

PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS KOMANDER PANGKALAN DAN PEGAWAI EKSEKUTIF PANGKALAN PU KUANTAN

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5147-perbarisan-serah-terima-tugas-komander-pangkalan-dan-pegawai-eksekutif-pangkalan-pu-kuantan



KUANTAN, 27 Jun 19 – Bertempat di Dewan Sri Angkasa PU Kuantan telah berlangsungnya perbarisan serah terima tugas Komander Pangkalan dan Pegawai Eksekutif Pangkalan PU Kuantan. Perbarisan ini telah diketuai oleh Mjr Nor Ismazairee bin Ismail TUDM.

Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM telah menyerahkan tugas kepada Kol Mohd Fadzil bin Mohd Diah TUDM yang disaksikan oleh Ketua Staf Operasi Mawilud 1, Brig Jen Dato' Zulkifli bin Hamid TUDM manakala Pegawai Eksekutif Pangkalan, Kol Idris bin A. Wahab TUDM telah menyerahkan tugas kepada Lt Kol Anuar bin Jamaludin TUDM bermula 27 Jun 2019. Dalam perbarisan tersebut Komander Pangkalan turut menyampaikan sumbangan zakat dan anugerah kecemerlangan sukan.

